

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ [PASIR MAS - PAS]**

**TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)**

**SOALAN (NO. 16)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan strategi dalam membantu para belia dalam berhadapan kenaikan kos sara hidup dan kebimbangan terhadap jenayah yang semakin berleluasa.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam membantu para belia dalam berhadapan kenaikan kos sara hidup Kementerian mengambil berat akan perkara ini dan telah melaksanakan beberapa strategi bagi menggalakkan belia meningkatkan ekonomi melalui program keusahawanan seperti berikut:
  - i. *Youth Bazaar*
  - ii. Kursus Asas Keusahawanan
  - iii. Kursus Teknikal Belia Tani
  - iv. Program *Outreach* Usahawan Belia
  - v. Program Reka bentuk Pembungkusan dan Perlabelan
  - vi. Kursus Perniagaan Intensif
  
2. Melalui program ini, usahawan belia juga dapat membina jaringan perniagaan bagi meningkatkan pendapatan. Di samping itu, program ini juga menonjolkan bakat, potensi dan kreativiti golongan belia dalam pelbagai aspek yang diceburi. Secara tidak langsung, program ini juga menggalakkan belia mengamalkan gaya hidup yang positif.
  
3. Selain itu, dalam memastikan belia-belia menjauhkan diri daripada terlibat dengan jenayah, Kementerian telah mengambil beberapa langkah dengan melaksanakan pelbagai program di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Antara program yang telah dan akan dilaksanakan adalah merangkumi program kepimpinan, kemahiran, kesukarelaan dan pengupayaan gerakan belia.

## SULIT

4) Antara program yang dirancang dan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Program Kepimpinan, sahsiah dan sosial
  - Parlimen Belia Malaysia
  - Program Felo Perdana
  - Anugerah Perdana Belia Negara
  - Program Kepimpinan Belia Muda Islam (QIYAD)
  - Majlis Perundingan Belia Negara/Negeri/Daerah
  - KLD Tunas Samudera
  - Program Angkat Dan Upaya (PADU)
  
- ii. Program Kemahiran
  - Institut Kemahiran Belia Negara
  - Program Latihan Kemahiran Tidak Formal
  
- iii. Program Pengupayaan Gerakan Belia
  - Kursus Kepimpinan Organisasi
  - *Star Rating* Pertubuhan Belia
  - Bantuan Pentadbiran dan Aktiviti Persatuan Belia

Sekian, terima kasih.